



JABATAN ALAM SEKITAR

LAPORAN MENGHADIRI MESYUARAT / PERSIDANGAN / LATIHAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

TUJUAN

Laporan ini adalah bertujuan untuk melaporkan kehadiran ke satu program bengkel luar negara yang telah dihadiri bersama-sama bukan sahaja dari Jabatan Alam sekitar (JAS) ini tetapi juga dari Kementerian Sumber Asli dan Alam sekitar (NRE).

A. NAMA MESYUARAT / PERSIDANGAN / LATIHAN:

China -ASEAN Workshop on Environmentally Sound Technology

B. NAMA DAN JAWATAN PESERTA YANG TURUT HADIR:

1. Puan Nur Zawani binti Ibrahim
Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (BPASPI, NRE).
2. Encik Azman bin Mamat
Pengarah, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat.
3. Encik Mohd Hidzir bin Bakar
Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penilaian, JAS Ibu Pejabat
4. Encik Azlan bin Ahmad
Ketua Penolong Pengarah Kanan, JAS Negeri Selangor

5. Encik Nor Azman bin Rosli
Ketua Penolong Pengarah, EiMAS
6. Encik Shazly bin Ab. Rahim
Ketua Penolong Pengarah, JAS Negeri Sembilan
7. Puan Noor Shahniyati binti Ahmad Shukri
Ketua Penolong Pengarah, JAS Pahang
8. Encik Mohd Fitri Mohd bin Mokhtar
Ketua Penolong Pengarah, JAS Pulau Pinang
9. Encik Mazlan bin Omar
Penolong Pengarah Kanan, JAS Melaka
10. Puan Norazlina binti Ab.Halim
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Komunikasi Strategik, JAS
Ibu Pejabat
11. Puan Norlaili binti Othman
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Industri Hijau, JAS Ibu
Pejabat
12. Puan Nor Juliana bin Jaafar
Penolong Pengarah, JAS Pulau Pinang
13. Puan Wan Nurfarzana binti Wan Mazlan
Penolong Pengarah, JAS Pahang
14. Encik Mohd Izwan bin Abdullah
Penolong Pegawai Alam Sekitar, Bahagian Komunikasi Strategik,
JAS Ibu Pejabat
15. Puan Koo Wai Peng
Penolong Pegawai Alam Sekitar, JAS Johor
16. Encik Azwan Baron
Penolong Jurutera, Bahagian Komunikasi Strategik, JAS Ibu
Pejabat

C. ~~TARIKH DAN LOKASI MESYUARAT / PERSIDANGAN / LATIHAN:~~

17 hingga 21 April 2017 di Wuzhou, Wilayah Guangxi, China

D. PIHAK YANG MENAJA KOS MENGHADIRI ~~MESYUARAT~~ / PERSIDANGAN / LATIHAN:

China –ASEAN Environmental Cooperation Center

E. PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DILAPORKAN:

- a. *China -ASEAN Workshop on Environmentally Sound Technology* telah diadakan di Wuzhou, Wilayah Guangxi, China pada 17 hingga 21 April 2017 anjuran *China –ASEAN Environmental Cooperation Center* (CAEC) dan Guangdong-Guangxi Interprovincial Pilot Cooperation Special Zone (GGCZ). Program ini merupakan salah satu program di bawah *The Plan of Green Silk Road Envoys*.
- b. CAEC telah ditubuhkan dengan penerimaan *China-ASEAN Strategy on Environmental Protection Cooperation 2009-2015* pada tahun 2009, yang merupakan inisiatif Chinese Premier Wen Jiabao dalam 11th China-ASEAN Summit pada 2007. CAEC merupakan agensi pelaksana kepada strategi tersebut dan menyelaras kerjasama berkaitan alam sekitar bagi ASEAN-China.
- c. *The Plan of Green Silk Road Envoys* merupakan program pembangunan modal insan dan pertukaran teknologi di bawah CAEC untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar dan pengurusan bagi menyokong pembangunan ekonomi hijau.
- d. Program ini telah dihadiri oleh 16 orang pegawai NRE/JAS

Malaysia dan 13 orang pegawai daripada agensi kerajaan negara China.

- e. Skop program meliputi sesi pembentangan berkaitan dasar alam sekitar negara, rancangan pelan pembangunan, aktiviti-aktiviti yang menggalakkan penggunaan teknologi hijau dan jaringan kerjasama industri.
- f. Program ini dilaksanakan melalui sesi perkongsian maklumat dan lawatan sambil belajar seperti berikut. **Agenda program seperti di LAMPIRAN 1:**

- i. Sesi 1: *Environmental Protection of 13th Five Year Plan of China*

Sesi ini adalah berkenaan strategi perlindungan alam sekitar dalam rancangan pembangunan bagi China yang ke-13 untuk tempoh lima (5) tahun. Pengisian juga meliputi dasar-dasar semasa, undang-undang, peraturan, garis panduan dan mekanisme pelaksanaan dasar dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan perlindungan alam sekitar.

- ii. **Sesi 2 : *Dialogue on China-ASEAN Energy Saving and Environmental Industry Cooperation***

CAEC menganjurkan sesi perkongsian maklumat/ dialog yang dihadiri oleh wakil-wakil pihak berkuasa dan industri di

China. Sesi tersebut juga turut dihadiri oleh wakil konsulat Malaysia di Nanning, En Walter Fernandis. Ketua delegasi Malaysia adalah antara yang dijemput untuk memberikan ucapan pembukaan dan teks ucapan seperti di LAMPIRAN 2. Wakil-wakil dari industri yang terpilih telah memberikan pembentangan korporat serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh syarikat masing-masing.

iii. **Sesi 3: *National Environmental Protection Planning and EST Application in Malaysia***

Dalam sesi ini, wakil delegasi Malaysia telah menyampaikan pembentangan berhubung pelan pembangunan Malaysia sebagaimana dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dan dasar-dasar serta inisiatif kerajaan dalam mengarusperdanakan pembangunan ekonomi berteraskan penggunaan teknologi hijau. **Slide perbentangan seperti di LAMPIRAN 3.**

iv. **Sesi 4 : *Current Situation of the Development of the Economy and Policy on EST in Malaysia***

Wakil delegasi Malaysia telah menyampaikan pembentangan berhubung perkembangan penggunaan teknologi hijau (*clean production*) dalam industri di Malaysia. **Slide perbentangan seperti di LAMPIRAN 4.**

v. **Sesi 5 : *Current Situation of ASEAN EST Network Construction***

Sesi ini adalah perkongsian jaringan kerjasama berkaitan alam sekitar antara China – ASEAN Member States dan perkembangannya. *Slide perbentangan seperti di LAMPIRAN 5.*

vi. *Sesi 6: Current Situation of Development of EST in China*

Sesi ini menerangkan situasi dan perkembangan semasa dalam amalan penggunaan teknologi mesra alam termasuk kesan positif yang ditunjukkan ke atas kualiti alam sekitar serta pembangunan polisi berkaitan bagi menangani masalah alam sekitar terutamanya dari segi kawalan pencemaran tanah, pencemaran air dan pengurusan buangan sisa pepejal (buangan berbahaya dan juga buangan sisa domestik) di China.

vii. *Sesi 7 : EST Practice in Guangxi*

Sesi ini secara khusus memaklumkan amalan penggunaan teknologi hijau di Guangxi melalui pembangunan pusat-pusat industri (contoh: Guangxi-Guangdong Cooperation Zone) berasaskan teknologi hijau. Selain itu, China juga menggalakkan pelaksanaan konsep “waste to energy” bagi penjanaaan elektrik.

viii. *Sesi 8: China – Malaysia Environmental Industry Cooperation Salon*

Sesi ini merupakan sesi perkongsian maklumat portfolio

syarikat negara China yang berminat untuk melabur dalam industri berkaitan perlindungan alam sekitar dan teknologi hijau di Malaysia.

- ix. **Sesi 9** : *Environmentally Technology Cooperation between Guangxi and ASEAN Member States*

Sesi ini adalah berkaitan perkongsian perkembangan terkini berhubung kerjasama antara wilayah Guangxi dengan negara-negara ASEAN.

- x. **Sesi 10**: *The Latest Development of China – ASEAN Environmental Cooperation and Suggestion on China – Malaysia EST Cooperation Under The Framework Of The Belt And Road*

Sesi ini merupakan sesi perkongsian cadangan bentuk-bentuk kerjasama antara negara China dan Malaysia dalam industri teknologi hijau di bawah inisiatif *The Belt And Road*.

- xi. **Lawatan 1** : *Construction of Ecological Civilization in Wuzhou*

Peserta bengkel didedahkan dengan maklumat mengenai sejarah kemajuan serta perancangan pembangunan bandar Wuzhou di masa hadapan melalui sesi lawatan ke dua (2) muzium di Wuzhou.

- xii. **Lawatan 2** : *China – ASEAN Environmental Technology and*

Industry Cooperation Demonstration Base

Sesi lawatan tapak ke pejabat operasi Guangdong-Guangxi Interprovincial Pilot Cooperation Special Zone (GGCZ). Peserta bengkel diberi taklimat berhubung pelan pembangunan bandar industri berasaskan teknologi hijau yang dibangunkan dengan kerjasama dua (2) wilayah iaitu wilayah Guangdong dan Guanxi. Kerjasama antara dua (2) wilayah ini adalah pertama seumpamanya dilaksanakan di China.

xiii. Lawatan 3 : *Environmental Protection Enterprises of Wuzhou*

Sesi lawatan ke dua lokasi iaitu:

- i. loji rawatan air yang dioperasikan oleh syarikat swasta bagi merawat air sisa **yang dihasilkan oleh** industri besi dengan menggunakan teknologi membran seramik; dan
- ii. pejabat operasi syarikat pengeluar panel solar dan turbin angin bagi tujuan penjanaan kuasa boleh diperbaharui.

g. Gambar-gambar semasa sesi perkongsian maklumat dan lawatan sambil belajar adalah **di LAMPIRAN 6.**

F. ~~HASIL MESYUARAT / PERSIDANGAN / LATIHAN:~~

- a. Inisiatif *The Belt and Road* atau *One Belt One Road* adalah merupakan inisiatif kerajaan negara China untuk membentuk jaringan kerjasama ekonomi di peringkat global. Melalui bengkel ini, CAEC sebagai agensi di bawah Ministry of

Environmental Protection of China telah mewujudkan platform menggalakkan kerjasama antara Malaysia dan China.

- b. Dalam bengkel ini, peserta telah didedahkan dengan dasar dan program-program yang telah dibentuk oleh kerajaan negara China untuk menggalakkan pembangunan teknologi hijau dan mewujudkan kerjasama bagi membuka pasaran global untuk industri teknologi hijau negara China.

G. TINDAKAN SUSULAN NRE / SYOR:

- a. Tiada tindakan dari segi *substantive* yang memerlukan input dari BPASPI atau bahagian / agensi lain di bawah NRE.
- b. Disyorkan supaya penyertaan ke bengkel ini pada masa hadapan diperluaskan penyertaan kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Malaysian Investment Development Authority (MIDA) selain Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).
- c. Disyorkan supaya Bahagian/Unit di JAS yang bertindak sebagai *care taker* dalam program bersama CAEC kerana program ini diadakan secara tahunan mengikut skop/objektif plan tindakan *China –ASEAN Environmental Cooperation Center (CAEC)*.

Disediakan oleh :

Bil	Nama	Agensi
1.	Puan Nur Zawani binti Ibrahim	BPASPI, NRE
2.	Encik Mohd Hidzir bin Bakar	Bahagian Penilaian, JAS Ibu Pejabat
3.	Encik Azlan bin Ahmad	JAS Negeri Selangor
4.	Encik Nor Azman bin Rosli	EiMAS
5.	Encik Shazly bin Ab. Rahim	JAS Negeri Sembilan
6.	Puan Noor Shahniyati binti Ahmad Shukri	JAS Pahang
7.	Encik Mohd Fitri Mohd bin Mokhtar	JAS Pulau Pinang
8.	Encik Mazlan bin Omar	JAS Melaka
9.	Puan Norazlina binti Ab.Halim	Bahagian Komunikasi Strategik, JAS Ibu Pejabat
10.	Puan Norlaili binti Othman	Bahagian Industri Hijau, JAS Ibu Pejabat
11.	Puan Nor Juliana bin Jaafor	JAS Pulau Pinang
12.	Puan Wan Nurfarzana binti Wan Mazlan	JAS Pahang
13.	Encik Mohd Izwan bin Abdullah	Bahagian Komunikasi Strategik, JAS Ibu Pejabat
14.	Puan Koo Wai Peng	JAS Johor
15.	Encik Azwan Baron	Bahagian Komunikasi Strategik, JAS Ibu Pejabat

--	--	--

Disemak dan disahkan oleh:

Tandatangan :

Nama : Encik Azman bin Mamat

Jawatan : Pengarah, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan,
Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat.

Tarikh : 20 Jun 2017